

10/01/2003

Ong, Chua beri reaksi berbeza

KUALA LUMPUR: Dua naib presiden MCA memberi reaksi agak berbeza apabila diminta mengulas mengenai penyerahan surat peletakan jawatan daripada Kabinet oleh presiden parti itu, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Datuk Seri Ong Ka Ting yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata beliau menganggap isu peletakan jawatan Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan sudah selesai.

Beliau menganggap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menolak surat peletakan jawatan itu.

Seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng, berkata seseorang menteri berhak membuat keputusan meletak jawatan seperti yang dilakukan Dr Ling.

"Selain hak itu, Perdana Menteri juga mempunyai hak mutlak untuk melantik atau tidak melantik atau memberhentikan seseorang daripada menjadi anggota Jemaah Menteri.

"Dua hak itu bukan hak saya untuk memberi sebarang komen dalam situasi ini," kata Chua yang ditemui selepas merasmikan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan di sini.

Ong pula yang ditemui selepas merasmikan 'Gong Xi Fa Cai with Taiwan Beat' di pusat beli-belah Plaza Sungei Wang di sini, semalam berkata: "Saya rasa kita perlu menghormati dan menerima penjelasan Dr Ling. Tak payah buat spekulasi lain lagi."

Selasa lalu, Dr Ling memberitahu pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bahawa beliau menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan kepada Perdana Menteri 15 Ogos lalu.

Ini kali kedua Presiden MCA itu berbuat demikian dalam tempoh tiga tahun. Kali pertama ialah pada 22 Mei 2000 tetapi beliau menarik semula keputusan itu pada 6 Jun 2000 selepas diminta Perdana Menteri menimbangkan hasrat berkenaan.

Dr Mahathir kelmarin berkata beliau belum membuat keputusan sama ada menerima atau menolak kehendak Dr Ling untuk meletak jawatan dalam Kabinet.